

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**GARIS PANDUAN
SKIM GERAN PENYELIDIKAN KHAS
PASCA COVID-19
(2020)**

**Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 7, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
No. Tel: 03-8870 6969
No. Faks: 03-8870 6867**

KANDUNGAN
GARIS PANDUAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN KHAS PASCA
COVID-19

1.	VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL 3
2.	BAHAGIAN 1 (PENGENALAN) 4
3.	BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)	
	Syarat Am Permohonan 5
	Tempoh Penyelidikan 7
	Siling Peruntukan 7
	Hasil Penyelidikan 7
	Tarikh Pembukaan Permohonan 8
	Peraturan Permohonan 8
4.	BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)	
	Penilaian Permohonan 9
	Kriteria Penilaian 9
5.	BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	
	Pelaksanaan Penyelidikan 10
	Pemantauan Projek 10
6.	BAHAGIAN 5 (PERATURAN KEWANGAN)	
	Kod Perbelanjaan 11
	Penggunaan Peruntukan 13
7.	BAHAGIAN 6 (KEPUTUSAN)	
	Makluman Keputusan dan Pengagihan Peruntukan 14
	Dokumen dan Ikatan Perjanjian 14
8.	CARTA ALIR 15

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing
untuk transformasi ilmu dan
kecemerlangan negara.

Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan
kapasiti penyelidikan berimpak tinggi
bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap
perkembangan bakat, peningkatan tahap intelektual,
penciptaan teknologi baharu dan
penyuburan peradaban yang dinamik.

1.1. TUJUAN

Penawaran geran penyelidikan ini yang bersifat jangka pendek, adalah usaha KPT dalam menyediakan sumber rujukan kepada Kerajaan terutamanya kepada Kementerian berkaitan sebagai persediaan merangka polisi atau dasar dalam menghadapi senario kehidupan selepas wabak COVID-19.

Antara bidang kajian penyelidikan yang dikenal pasti amat berkait rapat dengan masyarakat bagi menghadapi realiti kehidupan selepas tempoh tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani penularan wabak COVID-19. Wabak ini telah memberi kesan yang mendalam terhadap ekonomi, kesihatan awam, keselamatan, pelancongan, perdagangan, teknologi maklumat, pendidikan, keselamatan makanan (*food security*) dan sebagainya.

Kementerian akan memberikan tumpuan kepada 20 bidang utama yang akan membantu negara untuk keluar daripada kemelesetan ekonomi selain menghadapi kehidupan baru bagi mengelakkan wabak COVID-19 menular semula.

2.1. SYARAT AM PERMOHONAN

2.1.1. JPT menawarkan geran ini kepada semua pensyarah Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi menjalankan penyelidikan terhadap bidang-bidang kritikal yang dikenal pasti berkait rapat dengan masyarakat bagi menghadapi Pasca COVID-19 dengan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) Ketua Penyelidik mestilah warganegara Malaysia;
- (b) Kakitangan akademik bertaraf tetap atau kontrak (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah) dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap daripada IPT yang sama;
- (c) Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan cuti sabbatical (luar dan dalam negara yang melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan, tetapi boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan tersebut;
- (d) Ketua Penyelidik mestilah pernah menerima mana-mana geran penyelidikan kompetitif peringkat nasional atau antarabangsa yang berkaitan serta berjaya melaksanakan projek tersebut;
- (e) Permohonan untuk geran ini dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati tema dan bidang utama penyelidikan yang telah ditetapkan;
- (f) Pemohon hanya dibenarkan mengetuai satu (1) projek sahaja dan hanya satu permohonan projek akan diperakukan untuk geran ini;
- (g) Setiap Kertas Cadangan Penyelidikan mesti diketuai oleh seorang penyelidik utama dan dianggotai oleh **2 orang penyelidik bersama**;
- (h) Tempoh penyelidikan bagi geran ini adalah selama enam (6) bulan; dan
- (i) Kertas cadangan perlu dihantar ke emel **danakhas.bkpi@moe.gov.my**.

2.12. Setiap permohonan projek mestilah **memenuhi salah satu bidang** yang telah ditetapkan **berdasarkan 20 Bidang Utama** seperti berikut:

(a) **Bidang Utama**

Sebagai panduan kepada penyelidik-penyelidik yang menjalankan penyelidikan jangka pendek ini, terdapat 20 bidang kajian yang dikenalpasti terkesan terus kepada wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kesan PASCA COVID-19 ini mungkin berlaku kepada polisi kerajaan untuk sesuatu sektor atau kesan terus kepada sektor tersebut. Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC). Pasca COVID-19 ini mungkin memberi kesan terus kepada polisi sedia ada MEDAC terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME). Dalam masa yang sama sektor SME ini juga terkesan teruk kerana adanya PKP semasa atau selepas penularan wabak COVID-19 ini. Penyelidikan ini dijangka dapat membantu kerajaan dalam menangani masalah dan kesan pasca COVID-19 melalui cadangan penambahbaikan kepada Polisi dan Dasar sedia ada atau Kerangka Halatuju dan/atau Garis Panduan Baharu terhadap sektor-sektor yang terkesan oleh PKP dan wabak COVID-19. Antara sektor dan bidang yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- i. Kesan terhadap Ekonomi dan Kewangan (*Impact on Economic and Finance*)
- ii. Kesan terhadap Perubatan dan Kesihatan (*Impact on Medical and Health*)
- iii. Kesan terhadap Sosial dan Komuniti (*Impact on Social and Community*)
- iv. Kesan terhadap Pelancongan dan Perjalanan (*Impact on Tourism and Travel*)
- v. Kesan terhadap Sektor Insurans (*Impact on Insurance Sector*)
- vi. Kesan terhadap Persempadanan dan Keselamatan Negara (*Impact on Border and National Security*)
- vii. Kesan terhadap Pekerjaan dan Tenaga Kerja (*Impact on Employment and Labour*)
- viii. Kesan terhadap Pendidikan dan Pengajian Tinggi (*Impact on Education and Higher Education*)
- ix. Kesan terhadap Perdagangan dan Perniagaan (*Impact on Trade and Business*)
- x. Kesan terhadap Kerajaan Tempatan (*Impact on Local Government*)

- xi. Kesan terhadap Implementasi 4IR (*Impact on 4IR Implementation*)
- xii. Kesan terhadap Pengukuhan Penyelidikan Fundamental (*Impact on Strengthening Fundamental Research*)
- xiii. Pengurusan Krisis (*Crisis Management*)
- xiv. Kesan terhadap Pertanian dan Keselamatan Makanan (*Impact on Agriculture and Food Security*)
- xv. Kesan terhadap Psikologi dan Kesihatan Mental (*Impact on Psychology and Mental Health*)
- xvi. Kesan terhadap Keselamatan Siber (*Impact on Cyber Security*)
- xvii. Kesan terhadap Pengangkutan dan Mobiliti (*Impact on Transportation and Mobility*)
- xviii. Kesan terhadap Keselamatan Tenaga (*Impact on Energy Security*)
- xix. Kesan terhadap Sektor Pembinaan (*Impact on Construction Sector*)
- xx. Kesan terhadap Alam Sekitar (*Impact on Environment*)

2.2. TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah **tidak melebihi enam (6) bulan (1 Jun-31 Disember 2020)**.

2.3. SILING PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah **tidak melebihi siling yang ditetapkan berjumlah RM25,000.00 dan minima RM5,000.00** (berpadanan dengan skop penyelidikan yang akan dilaksanakan). Penetapan siling peruntukan ini mestilah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada JPT.

2.4. HASIL PENYELIDIKAN

2.4.1. Kajian jangka pendek ini diharapkan untuk menghasilkan pelan tindakan yang mengandungi *quick wins*, jangka pendek dan jangka panjang yang berpaksikan rakyat, kos rendah/efektif, berkonsepkan *blue ocean strategy* dan memanfaatkan kerajaan yang meliputi aspek:

1. Keberkesanan polisi sedia ada
2. Cadangan kepada penambahbaikan polisi/dasar kesan COVID-19
3. Kerangka Halatuju dan/atau Garis Panduan Baharu
4. Lain-lain Kerangka Kertas Polisi/Dasar
5. Penerbitan sekurang-kurangnya **1 jurnal terindeks SCOPUS**

Setiap projek penyelidikan disyaratkan untuk menghasilkan output seperti di atas berpandukan 20 Bidang Utama yang dinyatakan dalam Klausa 2.1.2.

2.5. TARIKH PEMBUKAAN PERMOHONAN

Permohonan geran penyelidikan khas ini akan **dibuka mulai 15 April sehingga 30 April 2020 (2 minggu)**. Makluman rasmi pembukaan geran tersebut boleh diakses melalui Malaysia Greater Research Network System (MyGRANTS).

2.6. PERATURAN PERMOHONAN

- 2.6.1 Permohonan perlu melalui penilaian dalaman dengan minimum dinilai oleh **seorang panel berpangkat Profesor dalam bidang kepakaran berkaitan**. Ulasan panel beserta bukti tindakan penambahbaikan yang telah diambil perlu disertakan;
- 2.6.2 Semua permohonan mestilah diperakui oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan mendapat sokongan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi sebelum dimajukan kepada urusetia melalui emel ke danakhas.bkpi@moe.gov.my **sebelum atau pada 30 April 2020** jam 11.59 malam;
- 2.6.3 Permohonan mestilah mengikut format yang ditetapkan seperti Borang Permohonan yang dilampirkan; dan
- 2.6.4 Pihak RMC dan TNCPI setiap Institusi perlu memainkan peranan penting untuk **memastikan hanya 10 proposal terbaik** yang terpilih dan dihantar ke KPT.

BAHAGIAN 3 - PENILAIAN

3.1. PENILAIAN PERMOHONAN

- 3.1.1. Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini akan diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 3.1.2. Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan, kriteria dan lain-lain seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan.

3.2. KRITERIA PENILAIAN

- 3.2.1. Penilaian permohonan mestilah memenuhi skop penyelidikan yang telah ditetapkan oleh JPT seperti berikut:
 - (a) Penyelidikan yang telah menghasilkan cadangan, idea atau penemuan baharu terhadap terhadap kesan pasca COVID-19.

BAHAGIAN 4 – PEMANTAUAN

4.1. PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

- 4.1.1. Projek penyelidikan mestilah dilaksanakan bermula daripada tarikh yang ditetapkan oleh JPT. Projek perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang telah diluluskan. IPT dan penyelidik perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini serta lain-lain ketetapan daripada JPT.
- 4.1.2. IPT dan penyelidik juga perlu memastikan sebarang perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan (proposal) mematuhi garis panduan dan tadbir urus yang telah ditetapkan.

5.1. KOD PERBELANJAAN

Peruntukan Geran Penyelidikan Khas Pasca COVID-19 (2020) adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

5.1.1. Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik (RA)

- (a) Elaun bagi Pembantu Penyelidik atau (Research Assistant – RA) yang bukan berstatus pelajar mestilah tidak melebihi siling peruntukan RM1,500/bulan dalam tempoh penyelidikan (sekiranya output bakat yang ditetapkan adalah RA).

5.1.2. Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan

- (a) Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan;
- (b) Perjalanan ke luar negara adalah tidak dibenarkan sama sekali;
- (c) Destinasi perjalanan mestilah merupakan lokasi yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi;

5.1.3. Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

5.1.4. Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

- (a) Lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional (pensijilan produk dan lain-lain), penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- (b) Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) mestilah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.2. PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- 5.2.1. Penyelidik adalah tidak dibenarkan untuk membeli peralatan komunikasi, peralatan pejabat dan perkakasan seperti *workstation*, laptop, iPad, telefon bimbit, mesin pencetak, toner, alat tulis serta apa-apa pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
- 5.2.2. Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

BAHAGIAN 6 – KEPUTUSAN

6.1. PEMAKLUMAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 6.1.1. Surat kelulusan projek penyelidikan akan dimaklumkan kepada Naib Canselor IPT dan disalinkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), IPT.
- 6.1.2. Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada Bendahari IPT setelah surat kelulusan projek Geran Penyelidikan Khas Pasca COVID-19 (2020) dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.
- 6.1.3. Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.

6.2. DOKUMEN DAN IKATAN PERJANJIAN


6.2.1. Dokumen Perjanjian

- Dokumen perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani di antara Kementerian (diwakili oleh JPT) dan IPT bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.
- Pihak IPT hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh Naib Canselor/Rektor/Ketua Eksekutif atau wakil yang diberi penurunan kuasa bagi pihak IPT.
- Dua (2) salinan asal dokumen perjanjian mestilah dikemukakan kepada JPT.

6.2.2. Ikatan Perjanjian

- Ikatan perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani antara IPT dan penyelidik bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
- Pihak IPT hendaklah memastikan ikatan perjanjian disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh JPT. Namun begitu, pihak IPT dibenarkan untuk membuat penambahan syarat dan terma bersesuaian dengan keperluan IPT tanpa meninggalkan sebarang maklumat asas yang telah ditetapkan JPT.
- Satu (1) salinan ikatan perjanjian yang lengkap ditandatangani mestilah dikemukakan kepada JPT.

CARTA ALIR



Rajah 1: Carta Alir Permohonan Projek Penyelidikan

CATATAN

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:

**SEKSYEN DANA KHAS & PENYELARASAN
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT JABATAN
PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI ARAS 7, NO. 2,
MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5 62200
PUTRAJAYA
NO. TEL: 03-8870 6969
NO. FAKS: 03-8870 6867**